

# Cina, India tak ramai mohon jawatan kerajaan

Metro 7/6/12 MS 18

**P**UTRAJAYA: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mendapati 80 peratus daripada 1.16 juta permohonan kerja melalui sistem dalam talian suruhanjaya itu dalam kalangan pemohon Bumiputera, sekali gus mewujudkan jurang besar dengan kaum Cina dan India dalam sektor perkhidmatan awam.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, statistik diperoleh sepanjang tahun lalu mendapati pemohon dalam kalangan kaum Cina dan India masing-masing hanya dua peratus.

Menurutnya, berikutan itu, SPA bersama pihak berkepentingan akan mengadakan perbincangan termasuk mencari jalan penyelesaian terbaik dalam sesi dialog dijadualkan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) esok.

“Kami akan bincang dan



**MAHMOOD...kaji punca jurang permohonan**

kaji mana silapnya. Apakah disebabkan gaji atau jawatan dalam sektor kerajaan tidak menarik hingga menyebabkan permohonan dalam kalangan kaum Cina dan India tidak ramai seperti Bumiputera.

“Perbezaan angka antara 80 peratus dan dua peratus ini terlalu jauh dan tidak seimbang, sekali gus memerlukan langkah proaktif untuk menyelesaikan per-

kara ini,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengerusi SPA, Datuk Lamien Sawiyo.

Pada masa sama, Mahmood berkata, pihaknya turut membincangkan sama ada ia disebabkan kelemahan SPA sendiri seperti tidak mengiklankan permohonan jawatan perkhidmatan awam kepada orang ramai.

“Sebab itu kami kena kaji kenapa kaum Cina dan India tidak ramai memohon melalui SPA. Adakah mereka tidak faham, tidak berminat atau tidak tertarik dengan sektor awam. Peranan media juga sangat diperlukan dalam hal ini.

“Kami tak mahu orang lain menganggap SPA menganaktirikan satu-satu pihak. Secara tidak langsung, tuduhan ini mewujudkan pandangan negatif daripada orang ramai,” katanya.